



UTM
UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA

Pusat Islam



PANDUAN ASAS PARA IMAM



Masjid Sultan Ismail, UTM



07-5537508 / 01



<https://islamiccentre.utm.my/>



islamiccentre@utm.my

MOHD NASIR MASROOM
AMINUDDIN RUSKAM
MOHD FIRDAUS PADZIM
NAEMAH HAMZAH

Cetakan Pertama 2020
© **Pusat Islam UTM** 2020

Semua hak cipta adalah terpelihara. Tiada bahagian daripada penerbitan ini yang boleh dihasilkan semula atau ditukar dalam apa-apa bentuk dengan apa-apa cara sekalipun, sama ada secara elektronik atau mekanikal termasuk fotokopi, rakaman atau apa-apa kaedah penyimpanan maklumat dan sistem perolehan kembali, tanpa persetujuan bertulis daripada Pengarah Pusat Islam, Universiti Teknologi Malaysia, 81300 Johor Bahru, Johor Darul Takzim, Malaysia.

Perpustakaan Negara Malaysia

Data Katalog dalam Penerbitan

PANDUAN ASAS UNTUK PARA IMAM / Pusat Islam
UTM

ISBN 978-983-43408-7-2

Diterbitkan oleh;

Pusat Islam,
Universiti Teknologi Malaysia,
81310 UTM Johor Bahru,
Johor, MALAYSIA.

ISI KANDUNGAN

Penghargaan	iii
Prakata	iv
Kata Aluan	vi
Panel Penyunting	vii
Panel Penyemak	vii
Bab 1	
Pengertian Solat Berjemaah	1
Bab 2	
Panduan Bacaan Surah dalam Solat	9
Bab 3	
Panduan Zikir dan Wirid selepas Solat	18
Bab 4	
Panduan Solat Jenazah	26
Bab 5	
Koleksi Doa Harian	37

PENGHARGAAN

Setinggi-tinggi ucapan penghargaan kepada semua yang terlibat dalam penghasilan buku Panduan Asas Untuk Imam ini, terutamanya kepada barisan penulis di atas sumbangan idea, ilmu dan masa dalam penghasilan buku ini. Penghargaan juga disampaikan kepada Prof. Madya Dr Aminuddin bin Ruskam, Pengarah Pusat Islam UTM kerana memberikan galakan, bimbingan dan tunjuk ajar sepanjang proses pembukuan dijalankan. Tidak terkecuali juga kepada para penyunting dan penyemak di atas komitmen, kerjasama dan usaha yang disumbangkan. Hanya Allah SWT jua yang dapat membalasnya.

PRAKATA

بسم الله الرحمن الرحيم

الحمد لله رب العالمين والصلاة والسلام على سيدنا محمد أشرف الأنبياء والمرسلين وعلى آله وأصحابه أجمعين.

Alhamdulillah, bersyukur kepada Allah SWT kerana dengan limpahan kurnia, taufiq, hidayah dan pertolongan-Nya, dapatlah buku Panduan Asas Untuk Para Imam ini disiapkan dan berada di tangan pembaca sekalian.

Tugas seorang imam adalah satu tugas yang mulia di sisi Allah SWT. Untuk menjadi imam, seseorang itu memerlukan pengetahuan, keberanian, keyakinan dan kemahiran memimpin. Selain itu, tugasan 5 kali sehari semalam bukanlah satu tugas yang ringan kerana ia memerlukan komitmen yang tinggi. Di samping itu, pengetahuan mengenai hukum hakam yang berkaitan dengan solat berjemaah dan ayat-ayat hafazan juga satu perkara yang perlu diberi perhatian.

Melalui buku ini, para imam diberikan panduan asas dalam melaksanakan tugas masing-masing. Buku ini juga sesuai kepada semua lapisan masyarakat kerana tugas imam adalah tugas semua lelaki mukmin yang mukallaf. Dengan menjadikan buku

ini sebagai rujukan, para pembaca dapat mengetahui kaifiyat dan pengetahuan asas sebagai seorang imam.

Akhir kalam, saya mengucapkan berbanyak terima kasih dan setinggi penghargaan kepada semua individu yang terlibat secara langsung atau tidak langsung dalam penerbitan buku ini. Saya berdoa agar usaha dan kerjasama yang disumbangkan beroleh ganjaran daripada Allah SWT.

Sekian, terima kasih. Wasalam.



Dr. Mohd Nasir Masroom
(Ketua Panel Penyunting)

Pusat Islam,
Universiti Teknologi Malaysia.
2020

KATA ALUAN

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Saya mengucapkan syukur kepada Allah SWT kerana berpeluang memberi kata-kata aluan di dalam buku Panduan Asas Untuk Para Imam. Syabas dan tahniah kepada pasukan terlibat dalam melaksanakan penerbitan ini.

Kita semua memahami bahawa masjid merupakan tapak semaian dalam menghasilkan insan cemerlang dalam melaksanakan tuntutan ibadah mereka. Dalam usaha untuk menterjemahkan hasrat dan objektif Islam, pegawai masjid, khatib dan imam tidak dapat lari daripada menghadapi pelbagai masalah, kemelut dan cabaran dalam kehidupan para jemaah. Oleh kerana itu, solat dan doa sangat penting untuk memohon kepada Allah SWT agar kesusahan dan kepayahan dapat dihindarkan. Selanjutnya doa memainkan peranan penting dalam ibadah kerana ia berfungsi untuk mendapatkan kejayaan keredhaan Allah Taala di dunia dan akhirat.

Oleh itu saya mewakili pengurusan Pusat Islam mengucapkan syabas dan tahniah kepada para pegawai, imam dan bilal yang berperanan mengimarahkan Masjid Sultan Ismail sebagai tempat melaksanakan kewajipan fardu ain dan fardu kifayah. Laksanakanlah tugas mengimami urusan ibadah seperti solat fardu, solat sunat dan bacaan doa dengan keikhlasan dan hati yang suci.

Ibadah dan doa berfungsi untuk menguatkan motivasi para Jemaah kerana doa adalah senjata bagi orang yang beriman.

Saya juga mengucapkan tahniah kepada Dr Mohd Nasir Masroom bersama pasukannya yang berjaya melaksanakan penerbitan ini dalam semangat kerja berpasukan. Semoga buku Panduan Asas Untuk Para Imam dapat dimanfaatkan dan dikira sebagai amal soleh.

Prof. Madya Dr Aminuddin bin Ruskam

Pengarah

Pusat Islam

Universiti Teknologi Malaysia

PANEL PENYUNTING

Dr Mohd Nasir bin Masroom
Prof. Madya Dr. Aminuddin bin Ruskam
Ustaz Mohd Firdaus bin Pazim
Dr Naemah bt Hamzah

PANEL PENYEMAK

Ustaz Mahyuddin bin Md Sarif
Ustaz Panji Alam bin Mazhisam
Ustaz Amir Irsyad bin Saim
Ustazah Rahmawatulhusna bt Sokhipul Hadi
Ustaz Mohammad Ariff Afdlin bin Faizan

BAB 1

SOLAT BERJEMAAH

1.1 Pengertian Solat Berjemaah

Pengertian Solat dari sudut bahasa adalah doa atau berdoa. Manakala dari sudut istilah ialah perkataan dan perbuatan yang dimulakan dengan takbiratul ihram dan disudahi dengan memberi salam, berdasarkan kepada beberapa syarat yang tertentu.

Perkataan Jamaah pula dari sudut bahasa ialah perhimpunan. Manakala dari sudut istilah ialah mewujudkan satu ikatan dan pertalian di antara imam dan makmum.

Oleh yang demikian, solat jamaah akan terhasil dengan adanya seorang imam dan sekurang-kurangnya seorang makmum.

1.2 Pensyariatan Solat Jamaah

Solat Berjemaah menjadi satu amalan ibadah yang sangat dituntut berdasarkan dalil daripada al-Quran, Hadith dan al-Ijma`.

1. Dalil al-Quran, Firman Allah SWT;

وَإِذَا كُنْتَ فِيهِمْ فَأَقَمْتَ لَهُمُ الصَّلَاةَ فَلْتَقُمْ طَائِفَةٌ مِنْهُمْ مَعَكَ
وَلْيَأْخُذُوا أَسْلِحَتَهُمْ فَإِذَا سَجَدُوا فَلْيَكُونُوا مِنْ وَرَائِكُمْ وَلْتَأْتِ
طَائِفَةٌ أُخْرَى لَمْ يُصَلُّوا فَلْيُصَلُّوا مَعَكَ

Maksudnya; "Dan apabila engkau (wahai Muhammad) berada dalam kalangan mereka (semasa perang), lalu engkau mendirikan sembahyang dengan (menjadi imam) mereka, maka hendaklah sepuak dari mereka berdiri (mengerjakan sembahyang) bersama-samamu.." (Surah al-Nisa, 4: 102)

2. Pensyariatian solat lima kali pada sehari semalam mula difardukan pada malam Israk dan Mikraj setahun setengah sebelum hijrah.
Hadith Rasulullah SAW;

فَرَضَ اللَّهُ عَلَى أُمَّتِي لَيْلَةَ الْإِسْرَاءِ خَمْسِينَ صَلَاةً فَلَمْ أَزَلْ أُرَاجِعُهُ
وَأَسْأَلُهُ التَّخْفِيفَ حَتَّى جَعَلَهَا خَمْسًا فِي كُلِّ يَوْمٍ وَلَيْلَةٍ.

Maksudnya; " Allah SWT telah memfardhukan atas umat ku pada malam Israk lima puluh sembahyang maka sentiasa[lah] aku mengulangnya dan memohon keringanan sehingga dijadikannya lima sahaja pada sehari semalam". (HR Bukhari, no. 3035 & Muslim, no. 162)

1.3 Hikmah Solat Berjemaah

1. Solat diumpamakan seperti cahaya yang menerangi kehidupan manusia serta memandu hati manusia ke arah kebaikan, mencegah kemungkar dan kemaksiatan.
2. Memupuk ke dalam hati manusia sifat berkasih sayang, bermuafakat saling bantu membantu serta rasa persaudaraan yang tinggi dalam diri.
3. Dapat melatih diri supaya patuh kepada sistem peraturan yang menjadikan seluruh ruang kehidupan sentiasa rasa terikat dengan undang-undang Allah.
4. Solat merupakan ikatan saling berkaitan antara jasad dan ruh. Maka yang jasadnya melakukan pergerakan seperti qiyam, rukuk, Sujud dan segala bacaan-bacaan dalam solat. Manakala peranan ruh pula adalah membesarkan Allah, takut kepada Allah, memohon doa, memuji dan berserah diri kepada Allah serta berselawat kepada baginda Nabi Muhammad Sallallahu alaihi wasallam.
5. Dengan solat juga berperanan menjadikan seluruh anggota tubuh badan dan hati dapat melaksanakan segala perintah Allah dalam kehidupannya dari sudut akhlaknya, muamalah, makan minum dan pakaiannya. Demikianlah betapa terkesannya keberkatan solat sehinggakan ketaatan kepada Allah itu merangkumi dalam dan luar solat.
6. Wujudnya nilai kasih sayang dan persahabatan akan berlaku dengan saling

membuat pertemuan di waktu-waktu solat di antara jiran dan sahabat serta orang jahil dapat belajar daripada orang alim.

7. Jaminan kebersihan diri dan hati bagi sesiapa yang sentiasa menjaga solat dengan berwuduk serta sujud dalam ibadah solat.

8. Mendapat peruntukan kemakbulan doa antara azan dan iqamah.

9. Dapat mengucapkan bacaan amin bersama para malaikat apabila ucapan Jemaah serentak dengan ucapan amin imam.

10. Semoga Allah menganugerahkan hidayah petunjuk di sepanjang kehidupan kerana sentiasa berdoa dalam bacaan-bacaan solat.

1.4 Hukum Solat Berjemaah

Terdapat dua pendapat utama berkaitan dengan Solat Berjemaah.

Pendapat Pertama menyatakan bahawa Solat Berjemaah adalah Sunat Muakkad. Ini adalah pendapat Imam Rafi`i dan beberapa tokoh ulama mazhab syafi`i. Pandangan ini adalah berdasarkan kepada hadis Nabi SAW berikut;

صَلَاةُ الْجَمَاعَةِ أَفْضَلُ مِنْ صَلَاةِ الْفَذِّ بِسَبْعٍ وَعِشْرِينَ دَرَجَةً

Maksudnya; Solat berjemaah lebih baik berbanding solat secara sendirian sebanyak 27 darjat. (HR Bukhari, no 619 & Muslim, no 650)

Manakala pendapat kedua adalah Fardu Kifayah. Ini adalah pendapat Imam Nawawi dan beberapa tokoh ulama lain dalam Mazhab Syafie yang mana mereka menegaskan bahawa solat Jemaah hukumnya Fardu Kifayah.

Maka wajib dilaksanakan solat-solat fardu secara berjemaah itu di tempat-tempat yang boleh menzahirkan syiar jemaah dan Islam, iaitu hendaklah diadakan solat Jemaah di satu tempat sahaja di dalam sesuatu kariah, kampung atau taman perumahan yang kecil.

Namun begitu, jika penempatan itu luas maka hendaklah diwujudkan beberapa tempat yang boleh melahirkan syiar Islam.

Maka dosa sesuatu masyarakat setempat akan gugur apabila ada satu kelompok manusia melakukan solat secara berjemaah di tempat tersebut samada di surau, masjid, musalla atau madrasah.

Kewajipan fardu kifayah ini tidak gugur walaupun jika semua ahli kariah bersepakat melaksanakan solat Jemaah di rumah masing-masing. Oleh itu, pihak berkuasa iaitu raja atau wakilnya mesti mengambil tindakan memerangi mereka sehingga solat Jemaah didirikan sebagai satu syiar Islam dalam masyarakat itu.

Pendapat kedua inilah yang masyhur dan muktamad yang menjadi pegangan sebilangan

besar dalam Mazhab Syafie kerana berdasarkan hadis Nabi SAW;

ما من ثلاثة في قرية ولا بدو لا تقام فيهم الصلاة إلا قد استحوذ عليهم الشيطان. فعليك بالجماعة فإنما يأكل الذئب القاصية

Maksudnya; "Tidak ada tiga orang yang mendiami satu-satu kampung atau kawasan secara berjemaah melainkan syaitan akan menguasai mereka. Oleh yang demikian hendaklah kamu dirikan Jemaah kerana sesungguhnya kerana sesungguhnya serigala hanyalah akan memakan kambing-kambing yang terpencil sahaja." (HR Nasai', no 847 & Abi Daud, 547)

1.5 Keuzuran Yang Boleh Meninggalkan Solat Berjemaah

Terdapat beberapa pengecualian untuk tidak mendirikan Solat Berjemaah di masjid atau surau, antaranya ialah;

1. Hujan yang boleh membasahkan pakaian dan sukar untuk keluar sama ada waktu siang atau malam
2. Angin kencang
3. Jalan yang berlumpur
4. Sakit
5. Sejuk atau panas yang bersangatan
6. Lapar atau dahaga yang bersangatan

7. Terasa hendak buang air kecil atau besar
8. Takut kepada orang zalim ke atas dirinya atau hartanya
9. Takut bertemu dengan pemberi hutang yang akan menahannya untuk meminta membayar hutang sedangkan ia benar-benar tidak mampu menjelaskan dengan kadar yang segera
10. Takut kepada hukuman keseksaan yang mungkin dimaafkan jika ia menghilangkan diri buat beberapa hari
11. Tidak mempunyai pakaian yang membolehkan ia pergi berjemaah
12. Bimbang ditinggalkan rombongan ketika dalam persediaan bermusafir
13. Makan sesuatu yang berbau
14. Menunggu keluarga terdekat yang sedang nazak
15. Menunggu pesakit yang tidak ada penjaga

1.6 Solat Jemaah Lebih Utama (Afdhal)

Kaum lelaki yang menunaikan Solat Berjemaah di masjid / surau adalah lebih utama daripada solat di rumah dan di tempat lain. Ini adalah kerana masjid dan surau itu mempunyai kehormatan, kebersihan disamping menegakkan syiar Islam dan ramai Jemaah. Fadilat ini berdasarkan hadis Rasulullah SAW;

فَصَلُّوا أَيُّهَا النَّاسُ فِي بُيُوتِكُمْ، فَإِنَّ أَفْضَلَ صَلَاةِ الْمَرْءِ فِي بَيْتِهِ
إِلَّا الصَّلَاةَ الْمَكْتُوبَةَ

Maksudnya; “Solatlah kamu wahai manusia di rumah-rumah kamu, kerana yang lebih utama solat kamu itu adalah di rumah, kecuali solat-solat fardu sahaja (maka di masjid lebih utama)”. (HR Bukhari, no 698 & Nasai, 1599)

1.7 Syarat Mendapatkan Pahala Berjemaah

Pahala berjemaah yang sempurna akan terhasil apabila seseorang itu dapat solat bersama imam daripada awal takbiratul ihram hingga memberi salam kerana berkesempatan bertakbiratul ihram bersama imam itu satu kelebihan besar dalam solat berjemaah.

Walau bagaimanapun, fadhilat solat berjemaah akan tetap diperolehi selama mana imam belum memberi salam. Jika makmum itu belum sempat duduk sekalipun, seperti imam memberi salam sebaik sahaja makmum selesai takbiratulihram, maka makmum masih mendapat fadhilat Solat Berjemaah.

Ini kerana makmum telah dapat satu rukun bersama imamnya. Ini adalah kelebihan pada isu solat berjemaah selain daripada solat Jumaat.

Bagi solat Jumaat pula makmum tidak akan dapat pahala berjemaah melainkan makmum itu mesti terlebih dahulu mendapatkan satu rakaat bersama imam.

BAB 2

PANDUAN BACAAN SURAH UNTUK IMAM

2.1 Hukum Membaca Surah

Hukum membaca surah di dalam solat selepas membaca surah al-Fatihah adalah sunat. Para imam dituntut untuk membaca surah-surah tertentu sewaktu menjadi imam solat berjemaah sama ada di rumah, surau atau masjid.

Para imam disunatkan untuk memilih surah yang panjang pada rakaat pertama dan surah yang pendek pada rakaat yang kedua untuk memberi peluang kepada makmum mendapatkan rakaat pertama bersama imam.

2.2 Susunan Surah Yang Hendak Dibaca

Susunan ayat dan surah di dalam al-Quran merupakan susunan yang *tauqifi* iaitu susunan yang diwahyukan oleh Allah SWT kepada Nabi Muhammad SAW. Ini merupakan pandangan sebahagian jumhur ulama seperti yang dinyatakan oleh Imam al-Suyuti di dalam kitab *Asrar Tartib al-Quran* bahawa surah-surah di dalam al-Quran terbahagi kepada empat kategori iaitu:

1. *Al-Sab'u al-Tiwal*
2. *Al-Miin*
3. *Al-Mathani*

4. *Al-Mufasssal*

Nama-nama ini bukanlah rekaan para ulama di dalam bidang al-Quran, tetapi ianya telah dinyatakan oleh Nabi Muhammad SAW di dalam sebuah hadis :

أُعْطِيتُ مَكَانَ التَّوْرَةِ السَّبْعِ وَأُعْطِيتُ مَكَانَ الزَّبُورِ الْمِائِينَ
وَأُعْطِيتُ مَكَانَ الْإِنْجِيلِ الْمِثْنَيْنِ وَفُضِّلْتُ بِالْمُفَصَّلِ

"Aku diberikan al-Sab'a al-Tiwal sebagai ganti kepada Taurat. Aku juga diberi al-Mi'in sebagai ganti kepada Zabur. Dan Aku juga diberi al-Mathani sebagai ganti al-Mathani sebagai ganti Injil dan aku dilebihkan dengan diberikan al-Mufasssal.

(HR Imam Ahmad, no.16982)

Maksud kepada keempat-empat kategori ini adalah seperti berikut;

1. ***Al-Sab'u al-Tiwal*** bermaksud tujuh surah yang panjang. Senarai surah di bawah kategori ini iaitu;

- Surah al-Baqarah
- Surah Ali Imran
- Surah al-Maidah
- Surah al-Nisa'
- Surah al-An'am

- Surah al-Anfal
- Surah al-Taubah

2. **Al-Miin** bermaksud surah-surah yang mempunyai seratus ayat atau lebih sedikit atau hampir kepada seratus. Senarai surah yang berada dibawah kategori ini iaitu;

- Surah Yunus
- Surah Hud
- Surah Yusuf
- Surah al-Isra'
- Surah al-Kahfi
- Surah Taha
- Surah al-Anbiyya'
- Surah al-Qasas
- Surah a-Hajj

3. **Al-Mathani** pula bermaksud surah-surah yang jumlah ayatnya kurang daripada seratus. Imam al-Zarkasyi menyatakan bahawa dinamakan sebagai *al-Mathani* kerana perkhabaran dan kisah-kisah banyak diulang di dalam surah-surah di bawah kategori ini. Surah-surah di bawah kategori ini adalah selain daripada kategori ***al-Sab'u al-Tiwal, al-Miin dan al-Mufassal***.

4. **Al-Mufassal** dinamakan sedemikian kerana banyaknya *al-Fasl* iaitu penutup atau pemisah antara ayat al-Quran dengan basmalah. Surahnya bermula surah al-

Hujurat sehingga surah al-Nass. Di bawah kategori ini terdapat tiga pecahan utama iaitu *al-Tiwal* (panjang), *al-Ausat* (pertengahan) dan *al-Qasr* (pendek). Surah-surah di bawah kategori ini mengikut pecahannya.

4.1 al-Mufasssal al-Tiwal (Panjang)

- Surah al-Hujurat
- Surah Qaf
- Surah al-Dharyat
- Surah al-Tur
- Surah al-Najm
- Surah al-Qamar
- Surah al-Rahman
- Surah al-Waqiah
- Surah al-Hadid
- Surah al-Mujadala
- Surah al-Hasyr
- Surah al-Mumtahanah
- Surah al-Saff
- Surah al-Jumu'ah
- Surah al-Munafiqun
- Surah al-Taghabun
- Surah al-Talaq
- Surah al-Tahrim
- Surah al-Mulk
- Surah al-Qalam
- Surah al-Haqqah
- Surah al-Maa'rij
- Surah Nuh
- Surah al-Jinn

- Surah al-Muzammil
- Surah al-Mudhathir
- Surah al-Qiyamah
- Surah al-Insan
- Surah al-Mursalat

4.2 *al-Mufasssal al-Ausat* (Pertengahan / Sederhana panjang)

- Surah al-Naba
- Surah al-Nazi'at
- Surah al-Abasa
- Surah al-Takwir
- Surah al-Infitar
- Surah al-Mutaffifin
- Surah al-Inshiqaaq
- Surah al-Buruj
- Suruh al-Tariq
- Surah al-A'la
- Surah al-Ghasiyah
- Surah al-Fajr
- Surah al-Balad
- Surah al-Syams
- Surah al-Laiy

4.3 *al-Mufasssal al-Qasr* (Pendek)

- Surah al-Dhuha
- Surah al-Syarah
- Surah al-Tinn
- Surah al-Alaq

- Surah al-Qadr
- Surah al-Bayyinah
- Surah al-Zalzalah
- Surah al-Adiyat
- Surah al-Qariah
- Surah al-Takathur
- Surah al-Asr
- Surah al-Humazah
- Surah al-Fill
- Surah Quraisy
- Surah al-Ma'un
- Surah al-Kauthar
- Surah al-Kafirun
- Surah al-Nasr
- Surah al-Masad
- Surah al-Ikhlash
- Surah al-Falaq
- Surah al-Nas

2.3 Ringkasan Surah-surah Yang Hendak Dibaca

As-Syeikh Muhammad Arsyad al-Banjari menerusi kitab *Sabil al-Muhtadin* pernah mengemukakan panduan bacaan surah yang boleh diamalkan oleh para imam semasa memimpin solat seperti yang diringkaskan dalam jadual berikut;

Jadual 1: Surah yang sunat dibaca dalam solat

SOLAT	SURAH YANG SUNAT DIBACA
Subuh	Surah-surah yang berada dalam kategori <i>al-Mufasssal al-Tiwal</i> (Panjang)
Zuhur	Surah-surah pendek yang berada dalam kategori <i>al-Mufasssal al-Tiwal</i> (Panjang)
Asar dan Isyak	Surah-surah yang berada dalam kategori <i>al-Mufasssal al-Ausat</i> (Pertengahan / Sederhana panjang)
Maghrib	Surah-surah yang berada dalam kategori <i>al-Mufasssal al-Qasr</i> (Pendek)

Namun demikian, perlu diingat bahawa membaca surah ***al-mufasssal al-tiwal*** iaitu surah yang panjang dan surah ***al-mufasssal al-ausat*** iaitu surah yang sederhana panjang itu hanya **disunatkan** kepada orang yang solat seorang diri (Muhammad Haidzir, 2016).

Sekiranya seorang imam ingin membaca salah satu surah dalam kategori ini, beliau perlu memastikan syarat-syarat berikut dipenuhi, iaitu;

- Semua makmumnya orang setempat dan mereka semuanya reda jika imam memanjangkan bacaan surah.
- Solat berjemaah itu bukan didirikan di surau atau masjid yang terletak di tepi jalan. Ini kerana bermungkinan terdapat jemaah yang mahu meneruskan perjalanan dengan segera dan jika imam memanjangkan bacaan akan melewatkan perjalanan mereka.
- Tidak ada di kalangan makmum orang yang berkaitan dengan orang lain seperti hamba sahaya, isteri orang atau mereka yang bekerja mengikut waktu sedangkan kesempatan yang diberi untuk solat tidak panjang.

Jika salah satu daripada syarat-syarat di atas tidak dapat dipenuhi, maka **makruh** hukumnya imam tersebut membaca surah dalam kategori *al-mufasssal al-Tiwal* dan *al-mufasssal al-Ausat*. Hal ini sama juga keadaannya dengan memanjangkan zikir-zikir lain seperti zikir semasa rukuk, sujud dan sebagainya.

Dalil bagi larangan ini ialah :

حَدَّثَنَا أَحْمَدُ بْنُ يُونُسَ ، قَالَ : حَدَّثَنَا زُهَيْرٌ ، قَالَ :
حَدَّثَنَا إِسْمَاعِيلُ ، قَالَ : سَمِعْتُ قَيْسًا ، قَالَ : أَخْبَرَنِي أَبُو
مَسْعُودٍ ، أَنَّ رَجُلًا ، قَالَ : وَاللَّهِ يَا رَسُولَ اللَّهِ إِنِّي لَأَتَأَخَّرُ
عَنْ صَلَاةِ الْعَدَاةِ مِنْ أَجْلِ فُلَانٍ مِمَّا يُطِيلُ بِنَا ، فَمَا رَأَيْتُ
رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ فِي مَوْعِظَةٍ أَشَدَّ غَضَبًا مِنْهُ
يَوْمَئِذٍ ، ثُمَّ قَالَ : إِنَّ مِنْكُمْ مُنْفِرِينَ ، فَأَيُّكُمْ مَا صَلَّى
بِالنَّاسِ فَلَيَتَجَوَّزُ ، فَإِنَّ فِيهِمُ الضَّعِيفَ وَالْكَبِيرَ وَذَا الْحَاجَةِ

"Daripada Ibn Mas'ud bahawa seorang lelaki berkata : Demi Allah wahai Rasulullah SAW, sesungguhnya aku menangguhkan solat subuh kerana si fulan (imam) memanjangkan solat. Perawi berkata aku tidak pernah melihat Rasulullah SAW begitu marah dalam memberi nasihat seperti hari itu, lalu baginda bersabda : Sebahagian daripada kamu suka untuk menjauhkan orang ramai daripada solat. Oleh itu, sesiapa daripada kamu solat dengan orang ramai (mengimami mereka), maka hendaklah ia ringkaskan solat kerana terdapat dikalangan mereka orang yang lemah, orang tua dan orang yang mempunyai keperluan."

(HR al-Bukhari, no.681)

2.4 Bacaan Surah Mengikut Hari Kebesaran Islam

Selain itu, bacaan surah atau ayat-ayat tertentu selepas al-Fatihah juga boleh dilakukan berdasarkan kepada hari-hari kebesaran Islam. Ini dapat dilihat seperti di dalam Jadual 2.1 di bawah.

HARI KEBESARAN ISLAM	NAMA SURAH	NO AYAT
Awal Muharam / Maal Hijrah	Surah At-Taubah	17 – 24 38 – 43
Maulidur Rasul	Surah Ali-Imran Surah Yunus An-nisa	31-32 54 – 60 77 – 83
Isra' dan Mikraj	Surah Al-Isra' Surah An-Najm	1-3 1 – 25
Awal Ramadhan / Berpuasa	Surah Al-Baqarah Surah al-Qadr	183-188
Nuzul Al-Quran	Surah Al-Baqarah Surah Ad-Dukhan Surah Al-Qadr	185 1-14
Hari Raya Puasa / Aidilfitri	Surah Qaf (Rakaat Pertama) Surah al-Qamar (Rakaat Kedua) ATAU Surah Al-a`la (Rakaat Pertama)	

	Surah al-Ghasyiah (Rakaat Kedua)	
Awal Zulhijjah Ibadah Korban Ibadah Haji	Surah al-Baqarah Surah Al-Hajj Surah As-Saffaat	196 - 203 26 – 37 100 - 111

BAB 3

PANDUAN ZIKIR DAN WIRID SELEPAS SOLAT

3.1 Bacaan Zikir dan Wirid

Para imam digalakkan untuk terus kekal menghadap ke arah kiblat sesudah mengucapkan salam sambil membaca zikir-zikir yang bersumber daripada Rasulullah SAW yang sebahagiannya seperti di bawah ini:

1. Mulakan wirid dengan istighfar 3 kali.

أَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ الَّذِي لَا إِلَهَ إِلَّا هُوَ الْحَيُّ الْقَيُّومُ وَأَتُوبُ
إِلَيْهِ

Aku memohon keampunan daripada Allah, Tuhan Yang Maha Agung, tiada Tuhan melainkan Allah. Dia hidup, berdiri dengan sendirinya dan aku memohon keampunan daripada-Nya.

2. Seterusnya disambung dengan wirid di bawah sebanyak 3 kali bagi solat Zuhur dan Isyak, 10 kali bagi solat Subuh dan Maghrib, dan 3 atau 10 kali bagi solat Asar.

لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَاللَّهُ أَكْبَرُ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ لَهُ
الْمُلْكُ وَلَهُ الْحَمْدُ وَهُوَ عَلَى كُلِّ شَيْءٍ قَدِيرٌ لَا حَوْلَ وَلَا قُوَّةَ
إِلَّا بِاللَّهِ

*Tiada Tuhan yang disembah melainkan Allah,
Tuhan Yang Maha Esa tiada sekutu bagi-Nya.
Bagi-Nya segala kerajaan dan bagi-Nya
segala pujian. Dia Yang Menghidupkan dan
Mematikan. Dialah Yang Maha Kuasa ke atas
segala sesuatu.*

3. Seterusnya, membaca doa mohon
dijauhkan dari azab neraka :

اللَّهُمَّ أَجِرْنَا مِنَ النَّارِ

*Ya Allah, jauhkanlah kami daripada azab
neraka.*

4. Wirid* seterusnya ialah :

اللَّهُمَّ أَنْتَ السَّلَامُ وَمِنْكَ السَّلَامُ، تَبَارَكْتَ ذَا الْجَلَالِ وَالْإِكْرَامِ

*Ya Allah, Engkau yang menyelamatkan
daripada-Mu keselamatan. Maka sucilah
Engkau wahai Tuhan kami, Tuhan yang
mempunyai kebesaran dan kemuliaan.*

***Ketika membaca zikir ini, imam disunatkan untuk berpaling ke arah kanan atau menghadap makmum.**

5. Kemudian membaca surah al-Fatihah ;

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ (1) الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ (2)
الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ (3) مَالِكِ يَوْمِ الدِّينِ (4) إِيَّاكَ نَعْبُدُ وَإِيَّاكَ
نَسْتَعِينُ (5) اهْدِنَا الصِّرَاطَ الْمُسْتَقِيمَ (6) صِرَاطَ الَّذِينَ
أَنْعَمْتَ عَلَيْهِمْ غَيْرِ الْمَغْضُوبِ عَلَيْهِمْ وَلَا الضَّالِّينَ (7)

Dengan nama Allah Yang Maha Pemurah lagi Maha Mengasihani. Segala puji tertentu bagi Allah, Tuhan yang memelihara dan mentadbirkan alam. Yang Maha Pemurah, lagi Maha Mengasihani. Yang Menguasai pemerintahan hari pembalasan (hari akhirat). Engkau sahaja yang kami sembah dan kepada Engkau sahaja kami memohon pertolongan. Tunjukkan kami jalan yang lurus, iaitu jalan orang-orang yang Engkau telah kurniakan nikmat kepada mereka, bukan jalan orang-orang yang Engkau telah murkai dan bukan pula jalan orang-orang yang sesat.

6. Seterusnya kita digalakkan untuk membaca surah al-Baqarah ayat 163:

وَالَهُمْ إِلَهٌ وَاحِدٌ لَا إِلَهَ إِلَّا هُوَ الرَّحْمَنُ الرَّحِيمُ

Dan Tuhan kamu ialah Tuhan yang Maha Esa, tiada tuhan (yang berhak disembah) selain dari Allah, yang Maha Pemurah, lagi Maha Mengasihani.

7. Kemudian membaca ayat al-Kursi dari surah al-Baqarah ayat 255 :

اللَّهُ لَا إِلَهَ إِلَّا هُوَ الْحَيُّ الْقَيُّومُ لَا تَأْخُذُهُ سِنَّةٌ وَلَا نَوْمٌ لَهُ مَا فِي السَّمَاوَاتِ وَمَا فِي الْأَرْضِ مَنْ ذَا الَّذِي يَشْفَعُ عِنْدَهُ إِلَّا بِإِذْنِهِ يَعْلَمُ مَا بَيْنَ أَيْدِيهِمْ وَمَا خَلْفَهُمْ وَلَا يُحِيطُونَ بِشَيْءٍ مِّنْ عِلْمِهِ إِلَّا بِمَا شَاءَ وَسِعَ كُرْسِيُّهُ السَّمَاوَاتِ وَالْأَرْضَ وَلَا يَئُودُهُ حِفْظُهُمَا وَهُوَ الْعَلِيُّ الْعَظِيمُ

Allah, tiada Tuhan (yang berhak disembah) melainkan Dia. Yang Tetap hidup, Yang Kekal selama-lamanya mentadbirkan (sekalian makhluk-Nya). Yang tidak mengantuk usahkan tidur. Tiada sesiapa yang dapat memberi syafaat di sisi-Nya melainkan dengan izin-Nya. Yang mengetahui apa yang ada di hadapan mereka dan apa yang ada di belakang mereka, sedang mereka tidak mengetahui sesuatu pun dari (kandungan) ilmu Allah (ilmu-Nya dan kekuasaan-Nya) meliputi langit dan bumi dan tiadalah menjadi keberatan kepada Allah menjaga serta

memelihara keduanya. Dan Dialah Yang Maha Tinggi (darjat kemuliaan-Nya), lagi Maha Besar (kekuasaan-Nya).

8. Kemudian membaca Tasbih, Tahmid dan Takbir selama 33 kali :

إِلَهِي رَبَّنَا سُبْحَانَ اللَّهِ

Tuhanku, penjagaku Maha Suci Allah

سُبْحَانَ اللَّهِ

Maha Suci Allah

سُبْحَانَ اللَّهِ وَبِحَمْدِهِ دَائِمًا قَائِمًا أَبَدًا

Maha Suci Allah dan segala puji bagi-Nya yang kekal selama-lamanya.

الْحَمْدُ لِلَّهِ

Segala puji bagi Allah

الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ عَلَى كُلِّ حَالٍ وَفِي كُلِّ حَالٍ وَنِعْمَةٌ

Segala puji tertentu bagi Allah, Tuhan yang Memelihara dan Mentadbirkan sekalian alam

ke atas setiap keadaan dan dalam setiap keadaan dan nikmat.

اللَّهُ أَكْبَرُ

Allah Maha Besar

لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، لَهُ الْمُلْكُ وَلَهُ الْحَمْدُ وَهُوَ
عَلَى كُلِّ شَيْءٍ قَدِيرٌ وَلَا حَوْلَ وَلَا قُوَّةَ إِلَّا بِاللَّهِ الْعَلِيِّ الْعَظِيمِ
أَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمِ

Allah Maha Besar, segala puji bagi Allah. Maha Suci Allah pagi dan petang. Tiada Tuhan yang disembah melainkan Allah Yang Maha Esa, tidak ada bersekutu dengan-Nya sesuatu. Baginya kerajaan, baginya segala pujian. Dialah yang menghidupkan dan mematikan. Dialah Yang Maha Kuasa ke atas segala sesuatu dan kepada Allah jualah tempat kembali. Tiada daya dan kekuatan kecuali dengan pertolongan Allah Yang Maha Tinggi dan Maha Agung. Aku memohon keampunan daripada Allah.

Kemudian berdoalah dengan hati yang mengharap kepada Allah dengan beberapa adab, antaranya :

- Memulakan dengan basmalah, memuji Allah SWT dan berselawat ke atas Nabi Muhammad SAW.
- Menghadap kiblat atau berpaling sedikit ke kanan.
- Mengangkat kedua belah tangan.
- Bersangka baik dengan Allah SWT bahawa Dia Maha Mendengar permintaan dan permohonan kita.
- Berdoa dengan penuh keikhlasan dan bersungguh-sungguh.
- Mengulagi doa tanpa jemu dan bosan.
- Menjauhi perkara-perkara yang boleh mendatangkan kemurkaan Allah SWT.

3.2 Contoh Doa Selepas Solat Fardhu.

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ حَمْدًا يُؤَافِي
نِعَمَهُ وَيُدَافِعُ نِقَمَهُ وَيُكَافِي مَزِيدَهُ يَا رَبَّنَا لَكَ الْحَمْدُ كَمَا يَنْبَغِي
لِجَلَالِ وَجْهِكَ وَعَظِيمِ سُلْطَانِكَ اللَّهُمَّ صَلِّ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ
وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ

اللَّهُمَّ اغْفِرْ لَنَا وَلِوَالِدِنَا وَلِلْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ
وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ اللَّهُمَّ إِنَّا نَسْأَلُكَ الْهُدَى
وَالْتَّقَى وَالْعِفَافَ وَالْغِنَى اللَّهُمَّ إِنَّا نَعُوذُ بِكَ مِنَ الْبَرَصِ،
وَالْجُنُونِ، وَالْجُدَامِ، وَمِنْ سَيِّئِ الْأَسْقَامِ اللَّهُمَّ إِنَّا نَعُوذُ بِكَ مِنْ

اَللّٰهُمَّ وَالْحَزَنَ، وَنَعُوْذُ بِكَ مِنَ الْعَجْزِ وَالْكَسَلِ، وَنَعُوْذُ بِكَ مِنَ
الْجُبْنِ وَالْبُخْلِ، وَنَعُوْذُ بِكَ مِنَ غَلَبَةِ الدِّينِ، وَقَهْرِ الرِّجَالِ اَللّٰهُمَّ
اَصْلِحْ لَنَا دِيْنَنَا الَّذِي هُوَ عِصْمَةُ اَمْرِنَا، وَاصْلِحْ لَنَا دُنْيَانَا الَّتِي
فِيْهَا مَعَاشِنَا، وَاصْلِحْ لَنَا اٰخِرَتَنَا الَّتِي فِيْهَا مَعَادِنَا، وَاجْعَلِ الْحَيَاةَ
زِيَادَةً لَنَا فِي كُلِّ خَيْرٍ، وَاجْعَلِ الْمَوْتَ رَاحَةً لَنَا مِنْ كُلِّ شَرٍّ

رَبَّنَا اٰتِنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِي الْاٰخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ .
وَصَلَّى اللّٰهُ عَلٰى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلٰى اٰلِهِ وَصَحْبِهِ اَجْمَعِيْنَ
وَالْحَمْدُ لِلّٰهِ رَبِّ الْعَالَمِيْنَ

BAB 4

PANDUAN SOLAT JENAZAH

Bab ini dipecahkan kepada tiga tajuk iaitu persediaan sebelum solat jenazah, rukun solat jenazah dan kaifiat solat jenazah.

4.1 Persediaan sebelum solat jenazah

1. Jenazah hendaklah dimandikan dan dikafankan terlebih dahulu.
2. Kedudukan jenazah adalah di hadapan imam.
 - 2.1 Bagi jenazah lelaki, kepala jenazah diletakkan di sebelah kiri imam dan imam berdiri selari dengan kepala atau dada jenazah.
 - 2.2 Bagi jenazah perempuan, kepala jenazah diletakkan di sebelah kanan imam dan imam berdiri selari dengan pinggang jenazah.

4.2 Rukun solat jenazah

1. Niat.
2. Takbiratul Ihram (takbir 4 kali termasuk takbiratul ihram).
3. Membaca surah al-Fatihah selepas takbir pertama.
4. Membaca selawat ke atas Nabi Muhammad SAW pada takbir kedua.

5. Doa untuk jenazah selepas takbir ketiga.
6. Memberi salam sesudah takbir keempat.

4.3 Kaifiat solat jenazah

1. Niat

a) Jenazah lelaki

أُصَلِّي عَلَى هَذَا الْمَيِّتِ أَرْبَعَ تَكْبِيرَاتٍ لِلَّهِ تَعَالَى

Sahaja aku solat ke atas mayat lelaki ini empat kali takbir kerana Allah taala.

b) Jenazah perempuan

أُصَلِّي عَلَى هَذِهِ الْمَيِّتَةِ أَرْبَعَ تَكْبِيرَاتٍ لِلَّهِ تَعَالَى

Sahaja aku solat ke atas mayat perempuan ini empat kali takbir kerana Allah taala.

c) Jenazah kanak-kanak (lelaki)

أُصَلِّي عَلَى هَذَا الْمَيِّتِ الطِّفْلِ أَرْبَعَ تَكْبِيرَاتٍ لِلَّهِ تَعَالَى

Sahaja aku solat ke atas mayat kanak-kanak lelaki ini empat kali takbir kerana Allah taala.

d) Jenazah kanak-kanak (perempuan) :

أُصَلِّي عَلَى هَذِهِ الْمَيِّتَةِ الْطِفْلَةِ أَرْبَعَ تَكْبِيرَاتٍ لِلَّهِ تَعَالَى

Sahaja aku solat ke atas mayat kanak-kanak perempuan ini empat kali takbir kerana Allah taala.

2) Takbiratul ihram

اللَّهُ أَكْبَرُ

Allah Maha Besar

3) Membaca surah al-Fatihah

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ (1) الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ (2)
الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ (3) مَالِكِ يَوْمِ الدِّينِ (4) إِيَّاكَ نَعْبُدُ وَإِيَّاكَ
نَسْتَعِينُ (5) اهْدِنَا الصِّرَاطَ الْمُسْتَقِيمَ (6) صِرَاطَ الَّذِينَ
أَنْعَمْتَ عَلَيْهِمْ غَيْرِ الْمَغْضُوبِ عَلَيْهِمْ وَلَا الضَّالِّينَ (7)

Dengan nama Allah Yang Maha Pemurah lagi Maha Mengasihani. Segala puji tertentu bagi Allah, Tuhan yang memelihara dan mentadbirkan alam. Yang Maha Pemurah, lagi Maha Mengasihani. Yang Menguasai pemerintahan hari pembalasan (hari akhirat). Engkau sahaja yang kami sembah dan kepada Engkau sahaja kami memohon pertolongan. Tunjukkan kami jalan yang lurus,

iaitu jalan orang-orang yang Engkau telah kurniakan nikmat kepada mereka, bukan jalan orang-orang yang Engkau telah murkai dan bukan pula jalan orang-orang yang sesat.

- 4) Takbir kedua dan membaca selawat ke atas Nabi Muhammad SAW

اَللّٰهُمَّ صَلِّ عَلَى مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ مُحَمَّدٍ كَمَا صَلَّيْتَ عَلَى اِبْرَاهِيْمَ
وَعَلَى آلِ اِبْرَاهِيْمَ وَبَارِكْ عَلَى مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ مُحَمَّدٍ كَمَا بَارَكْتَ
عَلَى اِبْرَاهِيْمَ وَعَلَى آلِ اِبْرَاهِيْمَ فِي الْعَالَمِيْنَ اِنَّكَ حَمِيْدٌ مَّجِيْدٌ.

Ya Allah berilah rahmat kepada junjungan Nabi Muhammad saw, dan berilah kesejahteraan kepada junjungan kami Nabi Muhammad saw sebagaimana Engkau memberikan kepada Nabi Ibrahim dan keluarganya. Berkatilah Nabi Muhammad saw dan keluarganya sebagaimana Engkau telah memberikan keberkatan kepada Nabi Ibrahim dan keluarganya. Sesungguhnya atas alam-alam ini, Engkaulah zat yang terpuji dan Maha mulia.

- 5) Takbir ketiga, dan berdoa untuk jenazah

5.1 Doa Untuk Jenazah Lelaki

اَللّٰهُمَّ اغْفِرْ لَهٗ وَاَرْحَمْهُ وَعَافِهٖ وَاعْفُ عَنْهُ وَاَكْرِمْ نُزْلَهٗ وَوَسِّعْ
 مَدْخَلَهٗ وَاغْسِلْهُ بِالْمَآءِ وَالتَّلْجِ وَالْبَرَدِ، وَنَقِّهِ مِنَ الْخَطَايَا كَمَا يُنْقَى
 الثَّوْبُ الْاَبْيَضُ مِنَ الدَّسِّ، وَاَبْدِلْهُ دَارًا خَيْرًا مِنْ دَارِهٖ، وَاَهْلًا
 خَيْرًا مِنْ اَهْلِهٖ وَزَوْجًا خَيْرًا مِنْ زَوْجِهٖ، وَاَدْخِلْهُ الْجَنَّةَ، وَاَعِذْهُ
 مِنْ عَذَابِ الْقَبْرِ وَمِنْ عَذَابِ النَّارِ

Ya Allah, ampunilah baginya dan kasihilah dia dan afiatkan dia dan maafkanlah kesalahannya dan muliakan kedudukannya dan lapangkan kuburnya dan bersihkan dia dengan air salju dan air dingin. Bersihkanlah dia dari kesalahannya sebagaimana dibersihkan kain putih dari kekotoran, dan gantikanlah kampungnya dengan kampung yang lebih baik dan ahli keluarganya yang baik, suami isteri yang lebih baik. Masukkanlah dia ke dalam syurga dan lindungilah dia dari seksa kubur dan fitnahnya dan dari seksa neraka.

5.2 Doa Untuk Jenazah Perempuan

اَللّٰهُمَّ اغْفِرْ لَهَا وَاَرْحَمْهَا وَعَافِهَا وَاعْفُ عَنْهَا وَاَكْرِمْ نُزْلَهَا وَوَسِّعْ
 مَدْخَلَهَا وَاغْسِلْهَا بِالْمَآءِ وَالتَّلْجِ وَالْبَرَدِ، وَنَقِّهَا مِنَ الْخَطَايَا كَمَا
 يُنْقَى الثَّوْبُ الْاَبْيَضُ مِنَ الدَّسِّ، وَاَبْدِلْهَا دَارًا خَيْرًا مِنْ دَارِهَا،

وَأَهْلًا خَيْرًا مِنْ أَهْلِهَا وَزَوْجًا خَيْرًا مِنْ زَوْجِهَا، وَأَدْخِلْهَا الْجَنَّةَ،
وَأَعِذْهَا مِنْ عَذَابِ الْقَبْرِ وَمِنْ عَذَابِ النَّارِ

Ya Allah, ampunilah baginya dan kasihilah dia dan afiatkan dia dan maafkanlah kesalahannya dan muliakan kedudukannya dan lapangkan kuburnya dan bersihkan dia dengan air salju dan air dingin. Bersihkanlah dia dari kesalahannya sebagaimana dibersihkan kain putih dari kekotoran, dan gantikanlah kampungnya dengan kampung yang lebih baik dan ahli keluarganya yang baik, suami isteri yang lebih baik. Masukkanlah dia ke dalam syurga dan lindungilah dia dari seksa kubur dan fitnahnya dan dari seksa neraka.

5.3 Doa Untuk Jenazah Kanak-kanak Lelaki

اللَّهُمَّ اجْعَلْهُ فَرَطًا لَأَبَوَيْهِ وَسَلَفًا وَذُخْرًا وَعِظَةً وَاعْتِبَارًا وَشَفِيعًا
وَتَقِيلَ بِهِ مَوَازِينَهُمَا وَأَفْرِغْ الصَّبْرَ عَلَى قُلُوبِهِمَا وَلَا تَفْتِنَهُمَا بَعْدَهُ
وَلَا تَحْرِمَهُمَا أَجْرَهُ

Ya Allah. Engkau jadikanlah kanak-kanak lelaki ini sebagai penolong kepada kedua ibu bapanya dan sebagai harta pertaruhan bagi keduanya. Dan jadikanlah dia sebagai peringatan dan iktibar dan pemohon syafaat

bagi kedua ibu bapanya. Dan beratkanlah timbangan amal kedua ibu bapanya dan kurniakan kesabaran di dada kedua ibubapanya. Dan janganlah dia menjadi fitnah selepas kematiannya dan janganlah Engkau hampakan keduanya dari mendapat pahala di atas kematiannya.

5.4 Doa Untuk Jenazah Kanak-kanak Perempuan

اللَّهُمَّ اجْعَلْهَا فَرْطًا لَأَبْوَيْهَا وَسَلَفًا وَذُخْرًا وَعِظَةً وَاعْتِبَارًا وَشَفِيعًا
وَتَقْلِيلًا بِهَا مَوَازِينَهُمَا وَأَفْرِغِ الصَّبْرَ عَلَى قُلُوبِهِمَا وَلَا تَفْتِنَهُمَا بَعْدَهَا
وَلَا تَحْرِمَهُمَا أَجْرَهَا

